

# Persekitaran kerja kondusif tingkat produktiviti

## Pelaksanaan EKSA secara sendiri mampu wujud kecekapan penyampaian khidmat awam

**Kuala Lumpur:** Penularan pandemik COVID-19 mengubah banyak perkara dalam kehidupan seharian dan juga mewujudkan norma baharu, khususnya cara bekerja.

Sama ada bekerja dari rumah atau bekerja di pejabat, di sektor awam mahu pun sektor swasta, realitinya banyak cabaran perlu ditempuh dan menuntut disiplin yang tinggi bagi melaksanakan tugas diberikan.

Satu perkara yang perlu diberikan perhatian sewajarnya ketika bekerja adalah dengan memastikan ketersediaan persekitaran kerja kondusif kerana kebanyakan individu mengahiskan sebahagian besar masa di pejabat.

Secara tidak langsung, keadaan ini mempengaruhi mental, emosi, produktiviti dan prestasi kerja yang mampu menyumbang kepada pencapaian objektif sesebuah organisasi.

Menyadari hakikat itu, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai penggerak dan peneraju pemodenan tadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam memperkenalkan 'Amalan 5S Sektor Awam' pada 2010.

Amalan '5S' ini dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan selamat.

Konsep '5S' merujuk kepada 'Sisih' (Seiri), 'Susun' (Seiton), 'Sapu' (Seiso), 'Seragam' (Seiketsu) dan 'Sentiasa Amal'

(Shitsuke) yang bermatlamatkan, amalan pengurusan persekitaran kerja yang sistematik dan teratur.

Pada 2014, MAMPU memperkenalkan program 'Ekosistem Kondusif Sektor Awam' (EKSA) sebagai inisiatif penjenamaan semula 'Amalan 5S Sektor Awam'.

EKSA dibangunkan mengikut acuan sektor awam, iaitu relevan dengan persekitaran agensi sektor awam.

Bagi memudahkan agensi membuat rujukan, pada 2015, MAMPU menyediakan satu dokumen, iaitu 'Panduan Pelaksanaan EKSA' yang boleh diakses di <https://www.mampu.gov.my/products/ekosistem-kondusif-sektor-awam-eksa/>.

Selain elemen '5S', program EKSA juga menekankan lima elemen baharu, iaitu imej korporat, kreativiti dan inovasi, amalan hijau dan persekitaran kondusif.

Pelaksanaan program EKSA ini memberikan ruang kepada pelbagai cetusan idea yang kreatif dan inovatif dalam kalangan penjawat awam bagi menambah baik persekitaran kerja.

Sebagai contoh, agensi dapat menjimatkan masa dalam pencarian dokumen (fizikal atau digital) yang disusun dengan kemas, secara tidak langsung meningkatkan produktiviti perkhidmatan.

Setakat bulan Julai 2021, sebanyak 1,020 pensijilan EKSA dikeluarkan dengan tempoh sah laku pensijilan selama dua tahun.

Mulai 2016, MAMPU sekali lagi membuat penambahbaikan program EKSA dengan memperkenalkan pelaksanaan EKSA secara sendiri atau EKSA Do-It-Yourself (EKSA DIY).

Secara dasarnya, program EKSA DIY dilaksanakan oleh agensi induk di agensi seliaannya.

Dalam erti kata lain, agensi induk dibimbing oleh MAMPU untuk melaksanakan pengaudi-



tan di agensi seliaan dan bertujuan untuk menyebarkan program EKSA DIY sehingga peringkat akar umbi.

Setakat Julai 2021, sebanyak 146 pensijilan EKSA DIY dikeluarkan dengan tempoh dua tahun bagi sah laku pensijilan.

Selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam yang baharu dilancarkan pada 19 Ogos 2021, MAMPU juga mengarusperdanakan penggunaan platform teknologi pendigitalan dengan melaksanakan pengauditan EKSA dan EKSA DIY (secara maya).

Kesimpulannya, program EKSA dan EKSA DIY ini hendaklah diamalkan secara berterusan dan bukan bersifat bermusim.

Justeru, diharapkan program EKSA dan EKSA DIY ini dapat menyumbang peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan produktiviti kerja dalam kalangan penjawat awam.

Rakyat yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan dapat merasai persekitaran kondusif.



Persekitaran tempat kerja yang kondusif perlu diamalkan secara berterusan bagi mencapai objektif sesebuah organisasi. (Foto hiasan)